

KATA TANYA *MANA* DALAM DIALEK PULAU PINANG DALAM PROGRAM MINIMALIS

Fazal Mohamed Mohamed Sultan

fazal@ukm.my

Norasmira Noordin

iraa33@yahoo.com

Pusat Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Makalah ini membincangkan kata tanya *mana* dalam dialek Pulau Pinang menggunakan pendekatan kerangka Program Minimalis. Data yang dianalisis dalam makalah ini diambil daripada kajian lapangan yang dilakukan di kawasan negeri Pulau Pinang. Data tersebut diperoleh dengan cara merakamkan perbualan responden yang menuturkan dialek Pulau Pinang. Dua kaedah kajian digunakan, iaitu kaedah pustaka dan kaedah lapangan. Kaedah pustaka digunakan untuk mengumpulkan maklumat yang berkaitan kata tanya dan kaedah lapangan untuk mendapatkan data di kawasan lapangan. Kawasan kajian meliputi semua daerah yang terdapat di sempadan politik negeri Pulau Pinang. Data yang telah dikumpulkan itu dicerakinkan dan dianalisis menggunakan Program Minimalis. Kata tanya yang bersifat *in-situ* ataupun bergerak dikaitkan dengan fitur yang dimiliki kata tanya *mana* itu sendiri dan juga fitur OP yang menghalang pergerakannya. Hasilnya, kata tanya *mana* dalam DPP tidak bersifat *in-situ* tetapi bergerak.

Kata kunci: kata tanya, *mana*, Program Minimalis, dialek Pulau Pinang

Abstract


This article discusses the question form of mana in the Penang dialect of Malay using Minimalist approach. The data analysed in this article were taken from a field study carried out in the state of Penang. The data were obtained from recording respondents' conversations in the Penang dialect. Two research methods were employed namely library method and field method. The library method was used to collect information related to the question form and the field method to obtain data in the research area. The research area covered all districts within the state of Penang. The resulting data were analysed using the Minimalist Programme. The in-situ or moved question forms are linked to a feature of the question form of mana itself and also an OP feature that prevents its movement. As a result, this analysis concludes that mana in the Penang dialect does not behave as in-situ but it does move.

Keywords: question form, mana, Minimalist Programme, Penang dialect

PENDAHULUAN

Pulau Pinang ialah sebuah negeri yang mempunyai sejarah penting dan sumbangannya besar dalam sejarah dan pembinaan negara Malaysia. Pemikiran kebangsaan, sastera moden, penerbitan majalah dan buku awal persekolahan sekular dan agama banyak bertitik tolak dari negeri ini. Seterusnya, terdapat jalinan negeri utara Semenanjung Malaysia dari segi sejarah, bahasa, budaya dan agama dengan negara Indonesia, Brunei dan Thailand yang semakin dilupakan dan kurang dikaji (Omar Yusoff, 2009). Pernyataan tersebut mendorong kajian terhadap dialek Pulau Pinang (DPP) ini dijalankan. DPP mempunyai lakuan bahasanya yang tertentu, seperti juga dialek lain yang telah dikaji oleh pengkaji bahasa sebelum ini. Contoh kajian lepas seperti yang telah dilakukan oleh Zaharani Ahmad, 2006; Fazal Mohamed Mohamed Sultan *et al.*, 2011 dan Rogayah A. Razak, 2005. Aspek yang dilihat mempunyai pola dan fenomena yang menarik tentang DPP ialah kata tanyanya. Hal ini kerana kata tanya dalam DPP dilihat wujud di posisi depan, tengah dan belakang ayat tanya. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan menganalisis kata tanya *mana* dalam DPP dan menghuraikan hasil dapatan yang diperoleh. Analisis terhadap

kata tanya *mana* DPP dilakukan dengan menggunakan Program Minimalis (PM). Kawasan kajian meliputi semua daerah yang terdapat di sempadan politik negeri Pulau Pinang. Setiap daerah dibahagikan mengikut petak yang mempunyai skala 10 kilometer persegi untuk satu petak meliputi kawasan di utara, selatan, timur dan barat. Data diperoleh berdasarkan maklumat yang dikumpul dan dikutip oleh penulis semasa menjalankan kajian. Data dikumpulkan daripada temu bual dengan responden, iaitu penutur natif bagi DPP. Dapatan diperoleh setelah data yang dikumpul dianalisis menggunakan PM. Dapatan menunjukkan pergerakan yang dialami oleh kata tanya yang bergerak dan juga faktor yang menyebabkan sesuatu kata tanya dalam DPP itu tidak bergerak.



Rajah 1 Kawasan kajian.

KERANGKA PROGRAM MINIMALIS (1995)

Teori yang digunakan dalam makalah ini ialah teori yang terkini dalam bidang sintaksis, iaitu teori Minimalis atau lebih dikenali sebagai Program Minimalis (PM). PM telah diperkenalkan oleh Chomsky (1995). Teori ini digunakan untuk mengkaji ayat soal dalam dialek Pulau Pinang. Program ini mengandaikan bahawa maklumat morfem sesuatu perkataan dicirikan dalam bentuk fitur nahu dan fitur ini perlu disemak dengan cara yang betul. Bagi PM, sesuatu teori itu mesti mampu menjelaskan nahu sesuatu bahasa semiminal yang mungkin. Sesuatu teori itu juga perlulah mencapai kepadaan deskriptif dan kepadaan ekplanatori. Kepadaan deskriptif ialah keupayaan menghuraikan intuisi atau kompetensi penutur natif manakala kepadaan eksplanatori pula bukan sahaja mencapai kepadaan deskriptif tetapi juga menganalisisnya. Teori yang mengaplikasikan kedua-dua kepadaan ini dapat dilihat dalam PM.

Program yang digunakan ini dikenali sebagai suatu derivasi (*derivation*). Meskipun derivasi merupakan suatu pendekatan yang berjaya menyelesaikan masalah dalam operasi sintaktik, iaitu operasi pergerakan, yang dikenali sebagai bergerak (*move*), ditambah dengan gabung (*merge*) dan bersebelahan (*adjoin*) kepada objek sintaktik untuk membentuk objek sintaktik yang besar. Contohnya, program ini bermula dengan item leksikal, iaitu kata kerja yang bergabung dengan kata nama bersama dengannya. Kesan daripada penggabungan kata kerja dan kata nama tersebut membentuk objek baharu sintaktik. Objek baharu ini kemudiannya akan digabungkan dengan yang lain dan sebagainya. Setiap aplikasi penggabungan (atau operasi sintaktik yang lain) bergerak ke derivasi, iaitu ke arah hadapan. Pada masa yang sama, derivasi itu berhenti apabila tiada lagi operasi sintaktik yang boleh diaplikasikan. Objek sintaktik pada peringkat terakhir derivasi akan diinterpretasi oleh konsep dan sistem semantik yang terdapat dalam minda.

Daripada pemerhatian didapati bahawa derivasi dalam ayat akan melibatkan banyak subderivasi yang kecil yang akan dibina daripada bahagian konstituen ayat. Jika bersebelahan dengan VP ke PP, maka derivasi terkecil mesti membina VP dan PP secara berasingan. Elemen yang terkecil dalam derivasi ialah item leksikal yang terdiri daripada fitur fonologi, semantik, dan sintaktik. Oleh itu, derivasi bermula dengan koleksi dalam item leksikal, dan memperlengkap aliran daripada koleksi ini kepada bentuk ayat sekiranya boleh dilakukan. Koleksi item leksikal secara tekniknya dikenali sebagai pengiraan (*numeration*). Sistem sintaktik

mengambil pengiraan sebagai input dan memberi sebagai output, iaitu baris bagi objek sintaktik. Maka tugas pertama bagi derivasi ialah pemilihan (*select*) elemen dalam pengiraan. Operasi sintaktik itu boleh digunakan untuk item leksikal yang satu dan yang lain juga, manakala operasi pemilihan akan mengaplikasikannya lagi dan memperkenalkannya dengan item yang lain. Sekarang, sintaksis boleh bergabung atau bersebelahan dengan dua item ini membentuk objek sintaktik yang baharu.

Pergerakan ialah sesuatu yang sangat kompleks. Pergerakan meningkatkan bahagian pada rajah pohon yang telah dibina pada output (item leksikal dalam kes ini ialah *saw*) dan membuat salinan bagi item tersebut, yang kemudiannya digabungkan dengan bahagian lain dalam rajah pohon (*v* kecil). Hal ini meninggalkan bekas bagi item yang digerakkan itu. Dalam derivasi semasa, kita lihat contoh bagi pergerakan item leksikal. Sebagai sambungan untuk mengembangkan teori, kita juga akan melihat pergerakan frasa yang boleh dilakukan. Semua output derivasi ialah objek sintaktik.

Satu daripada objek sintaktik ini akan menjadi alat penyambung bagi bahagian dalam minda yang berkenaan dengan makna, kadang-kadang dikenali sebagai sistem *Conceptual-Intentional* (CI). Ia boleh dilakukan sedemikian kerana sistem sintaktik disusun oleh fitur semantik yang terdapat pada item leksikal. Hal ini berkenaan dengan urutan kata dan fleksi morfologikal mempunyai kesan pada makna. Objek sintaksis yang mempunyai fungsi ini dikenali secara umumnya sebagai bentuk logik (LF), dan dikatakan sebagai tahap antara muka. Kebiasaannya LF diambilnya menjadi objek sintaksis terminal.

KATA TANYA DIALEK PULAU PINANG

Kata tanya seperti yang telah diutarakan oleh Asmah Haji Omar (1993) mempunyai dua jenis kata tanya, iaitu kata tanya tertutup dan kata tanya terbuka. Walau bagaimanapun, hanya kata tanya terbuka yang akan diuraikan dalam makalah ini. Kata tanya terbuka dalam DPP tidak sama seperti yang terdapat dalam bahasa Melayu. Terdapat beberapa jenis kata tanya terbuka dalam DPP, iaitu *apa*, *pasai apa* (kenapa), *awat* (kenapa), *lagu mana* (bagaimana), *macam mana* (bagaimana), *camna* (bagaimana), *bila*, *berapa*, *sapa* (siapa), dan *mana*. Kata tanya dalam dialek Pulau Pinang juga boleh wujud pada semua posisi dalam ayat iaitu pada depan, tengah dan belakang ayat tanya. *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007)

telah mendefinisikan depan sebagai hadapan atau muka, manakala tengah pula sebagai di dalam, di antara (masyarakat dan lain-lain) dan di antara. Seterusnya, *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007) juga turut mendefinisikan belakang sebagai (pada) masa yang terkemudian (terakhir). Oleh yang demikian, kedudukan kata soal akan dibincangkan berpandukan kedudukan depan, tengah dan belakang. Kedudukan ini akan memberikan perhatian terhadap salah satu daripada kata soal dalam dialek Pulau Pinang, iaitu *mana*.

Kata Soal *Mana*

Kata tanya wujud dalam semua dialek. Sesuatu yang unik dalam kata tanya dialek Pulau Pinang ialah *mana*. Kata tanya *mana* yang digunakan dalam DPP juga sama dengan kata tanya *mana* yang digunakan dalam bahasa Melayu. Kata tanya *mana* dalam DPP digunakan dengan perkataan *mana* dan *tang mana*, manakala dalam bahasa Melayu pula ia digunakan dengan *mana* dan *di mana*. *Mana* dan *tang mana* digunakan untuk kata tanya yang sama walaupun mempunyai sedikit perbezaan, iaitu salah satu daripadanya mempunyai *tang*. *Mana* dan *tang mana* bukanlah dua kata tanya berbeza tetapi bervariasi. Hal ini kerana *tang* dalam DPP ialah kata preposisi *di* dan *ke* dalam bahasa Melayu. Setelah data dicerakinkan, didapati bahawa kata tanya *mana* dalam DPP wujud di posisi depan, tengah dan belakang ayat tanya. Kata tanya *mana* yang wujud di posisi depan boleh dilihat menerusi contoh ayat tanya seperti yang berikut:

- (1a) *Mana* hampa nak pi?
Mana kamu hendak pergi?
- (1b) *Tang mana* hang jatuh?
Di mana awak jatuh?
- (1c) *Tang mana* nak cari?
Di mana hendak cari?

Seterusnya ialah contoh ayat tanya *mana* DPP yang wujud di posisi tengah:

- (2a) Hang pi *tang mana* tadi?
Awak pergi ke mana tadi?

- (2b) Hampa turun *tang mana* pagi tadi?
Kamu turun di mana pagi tadi?

Contoh seterusnya pula ialah data kata tanya *mana* DPP yang wujud di posisi belakang ayat tanya.

- (3a) Hang nak pi *mana*?
Awak hendak pergi mana?
- (3b) Cuti nanti nak pi *mana*?
Cuti nanti hendak pergi mana?

Kata tanya *mana* yang wujud pada semua posisi ayat tanya, iaitu posisi depan, tengah dan belakang ayat tanya ini telah memberikan jawapan kepada faktor yang menyebabkan fenomena itu wujud dalam DPP. Oleh yang demikian, dengan berpandukan PM analisis dilakukan terhadap kata tanya *mana* dalam DPP. Analisis ini juga dikaitkan dengan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji lepas.

KAJIAN LEPAS

Terdapat beberapa kajian lepas yang pernah dilakukan oleh penyelidik terdahulu tentang kata tanya. Kajian lepas ini kemudiannya menjadi panduan dan rujukan dalam kajian ini. Antara kajian lepas yang dilihat termasuklah kajian yang telah dilakukan oleh Nurul Afiqah Suhaimi (2010), Siti Noraini Hamzah dan Mariati Mokhtar (2009), Khairul Faiz Alimi dan Mohd Romzi Ramli (2009), Wong Bee Eng (2009), Rogayah A. Razak (2005), Aria (2004), Ilie (1999), Shima (1998), Tanaka (1998), Petronio dan Lillo-Martin (1997), Yanagida (1996).

Kajian yang dilakukan oleh Siti Noraini Hamzah dan Mariati Mokhtar (2009) dan juga kajian oleh Khairul Faiz Alimi dan Mohd Romzi Ramli (2009) menggunakan data bahasa Orang Asli. Kajian yang mereka jalankan sangat berbeza daripada kajian yang dilakukan oleh pengkaji kerana data mereka melibatkan data orang asli yang tiada kaitan langsung dengan bahasa Melayu. Bahasa orang asli merupakan rumpun bahasa lain. Oleh itu, walaupun pengkaji menggunakan teori yang sama dengan kajian mereka, namun hasil dapatan yang diperoleh mungkin akan

mempunyai persamaan dan juga perbezaan kerana data yang digunakan adalah berbeza.

Kajian yang telah dilakukan oleh Nurul Afiqah Suhaimi (2010) pula tidak boleh dikategorikan sebagai kajian dialek bahasa Melayu Utara (DBMU) kerana beliau tidak menggunakan data DBMU sepenuhnya. Kajian beliau terhadap dialek Kedah sahaja dan tidak merangkumi keseluruhan kawasan DBMU. Hal ini kerana data yang beliau gunakan dari kawasan negeri Kedah sahaja. DBMU seharusnya mencakupi juga kawasan di negeri Perlis, Pulau Pinang dan juga Perak Utara.

Kajian yang telah dilakukan oleh Wong Bee Eng (2009) pula berkaitan dengan kata tanya yang hadir bersama-sama dengan komplemen *yang* dan *bahawa* yang terdapat dalam bahasa Melayu. Kajian beliau tidak tertumpu pada kata tanya semata-mata tetapi lebih berfokus pada komplemen *yang* dan *bahawa*. Beliau tidak memfokuskan kajiannya pada kata tanya, seperti *kenapa*, *siapa*, *mengapa*, *kenapa*, *bila*, *apa* dan *bagaimana*.

Rogayah A. Razak (2005) yang telah melakukan kajian terhadap ayat tanya dalam dialek Pulau Pinang dan dialek Melaka memberikan tumpuan pada beberapa kata tanya sahaja. Beliau tidak mengkaji dan menganalisis kesemua kata tanya yang terdapat dalam kedua-dua dialek tersebut. Hal inilah yang menggalakkan kajian terhadap dialek Pulau Pinang ini dilaksanakan supaya kajian terhadap kata tanya dalam dialek Pulau Pinang dilakukan secara menyeluruh. Selain itu, contoh yang diberikan oleh Rogayah A. Razak (2005) dalam kajiannya juga tidak relevan kerana beliau telah memberikan contoh yang terdapat dalam bahasa Melayu. Hal ini boleh dilihat pada ayat contoh (1b) yang menggunakan kata tanya *kenapa* untuk ayat tanya *kenapa*. Pengkaji berpendapat bahawa kata tanya *kenapa* hanya digunakan dalam bahasa Melayu sahaja.

Kajian oleh Tanaka (1998) berbeza daripada kajian ini kerana beliau menggunakan pendekatan pergerakan LF. Kajian ini menggunakan teori terkini, iaitu program Minimalis. Walaupun kajian Tanaka (1998) juga menganalisis kata tanya, namun data yang digunakan beliau berbeza daripada data yang digunakan dalam makalah ini. Hal ini kerana beliau menggunakan data daripada bahasa Jepun.

Kajian yang telah dilakukan oleh Ilie (1999) hanya tertumpu pada fungsi kata tanya dan bukannya pada kata tanya itu sendiri. Selain itu, kajian yang telah dilakukan oleh Shima (1998) pula mengkaji fitur yang terlibat dalam pergerakan kata tanya, iaitu dengan menggunakan bahasa Inggeris. Beliau tidak menghuraikan fenomena yang berlaku pada kata tanya itu, sebaliknya beliau mengkaji fitur yang terlibat dalam pergerakan

kata tanya. Kajian yang telah dilakukan oleh Petronio dan Lillo-Martin (1997) sangat berbeza daripada kajian pengkaji kerana beliau mengkaji kata tanya yang terdapat dalam bahasa isyarat yang digunakan oleh orang Amerika (*American Sign Language*). Sementara itu, kajian Yanagida (1996) pula ialah pemerhatian kata tanya dalam bahasa Jepun. Seterusnya, data yang digunakan oleh Aria (2004) dalam kajiannya ialah data daripada bahasa Perancis. Dapatlah disimpulkan bahawa kajian Ilie (1999), Shima (1998), Petronio dan Lillo-Martin (1997), Yanagida (1996), Aria (2004) sangat berbeza daripada kajian ini kerana data yang digunakan oleh setiap penyelidik terdahulu adalah berbeza daripada data yang digunakan oleh pengkaji.

ANALISIS KATA TANYA MANA


Kata tanya dalam DPP dilihat wujud pada semua posisi dalam ayat tanya. Setelah data dicerakin dan diteliti dengan lebih mendalam kata tanya dalam DPP dihuraikan secara analisis sintaksis seperti yang berikut:

(4) **Mana**

Kata tanya *mana* dalam DPP wujud di posisi depan, tengah dan belakang ayat tanya. Pola yang wujud dalam ayat tanya *mana* ini seterusnya dianalisis dengan menggunakan program Minimalis seperti yang pernah dihuraikan oleh Adger (2003) pada ayat (4a), (4b), dan (4c).

Dalam Rajah 2, kata tanya *tang mana* berada di posisi adjung FK. Hal ini kerana kata kerja dalam ayat tanya ini ialah kata kerja tak transitif maka kata tanya *tang mana* berada di posisi adjung kerana kata ini bukan argumen. Kata kerja *duk* bergabung dengan kata tanya *tang mana* dan membentuk FK. Kata kerja *duk* yang berada di posisi FK bergerak ke posisi cantuman k di sebelah kiri dan meninggalkan bekas <duk> (seperti pada pergerakan 1) di posisi FK untuk memenuhi UTAH. Kemudian, FK bergabung dengan k kecil dan membentuk k'. k kecil ini pula membentuk struktur cantuman dengan cara meletus kepada dua cabang, iaitu kata kerja *duk* di sebelah kiri dan di sebelah kanan diisi dengan penanda kala tak berinterpretasi [uInfl:]. Seterusnya, k' bergabung dengan FN *hang* dan membentuk Fk. Kata nama *hang* berada di posisi spek Fk untuk memenuhi fitur pemilihan N yang diprojeksikan dari k' ke Fk. Seterusnya, Fk akan bergabung dengan Kala yang mempunyai fitur kala *kini* dan fitur kasus

- (4a) Tang mana hang duk?
 Di mana awak duduk?
 Di mana awak tinggal?



Rajah 2

yang tidak berinterpretasi, iaitu kasus nominatif atau [kini, nom] untuk membentuk kala'. Kala ini akan menilai k[uInfl:] yang berada di posisi cantuman k kecil dengan nilai *kini*. Hal ini membentuk fitur [uInfl: kini]. Setelah dinilai fitur tak berinterpretasi [uInfl: kini] akan disemak melalui proses keserasian seperti dalam Rajah 2. Kata ganti nama diri *hang* yang memiliki fitur tunggal atau ringkasnya [tunggal] seterusnya bergerak naik dari posisi spek Fk ke posisi spek FKALA untuk ditandakan kasus (seperti pada gerakan 2). Seterusnya, di posisi ini fitur FN *hang* disemak melalui hubungan SERASI dengan KALA. FN *hang* akan meninggalkan bekas <*hang*> di posisi spek Fk selepas FN *hang* naik ke posisi spek FKala. Seterusnya, Fkala bergabung dengan Komp dan membentuk Komp'. Komp akan membentuk struktur cantuman dengan meletus kepada dua cabang, iaitu kiri diisi oleh fitur kala [kini, Q*] dan kanan diisi oleh Komp [Q]. Fitur *uw* yang dibawa oleh Komp [Q] akan diprojeksikan ke Komp'. Seterusnya, fitur *uw* yang tidak berinterpretasi itu perlu disemak. Hal inilah yang telah menyebabkan kata tanya *tang mana* di posisi adjung FK naik ke posisi spek FKomp untuk menyemak fitur *uw* pada Komp' dan meninggalkan bekas <*tang mana*> seperti pergerakan 3.


Data (4a) ini sebenarnya terhasil selepas cetusan. Ia boleh dilihat setelah data ini dianalisis seperti Rajah 2. Ayat tanya (4a) ini sebenarnya telah mengalami perubahan setelah berlakunya cetusan. Ayat yang sebenarnya terhasil sebelum cetusan boleh dilihat pada contoh ayat (4ai) di bawah:

- (4ai) Hang duk *tang mana*?
Awak tinggal di mana?
Awak tinggal di mana?

Oleh itu, ayat (4a) telah mengalami pergerakan kata tanya dari posisi belakang ayat ke posisi depan ayat. Kata tanya *tang mana* dalam (4a) boleh dikatakan sebagai kata tanya bergerak. Seterusnya, analisis data yang menunjukkan kata tanya *tang mana* di posisi tengah pula boleh dilihat menerusi data (4b).

Dalam Rajah 3, kata tanya *tang mana* berada di posisi adjung FK. Hal ini kerana kata kerja dalam ayat tanya ini ialah kata kerja tak transitif maka kata tanya *tang mana* berada di posisi adjung kerana ia bukan argumen. Kata kerja *turun* bergabung dengan kata tanya *tang mana* dan membentuk FK. Kata kerja *turun* yang berada di posisi FK bergerak ke posisi cantuman k di sebelah kiri dan meninggalkan bekas <*turun*> (seperti pada pergerakan 1) di posisi FK untuk memenuhi UTAH. Kemudian, FK bergabung

- (4b) Hampa turun *tang mana* tadi?
Kamu turun di mana tadi?
Di mana kamu turun tadi?



Rajah 3


dengan Fadv yang mempunyai kata adverba *tadi* dan membentuk FK. seterusnya, FK bergabung dengan k kecil dan membentuk k'. k kecil ini pula membentuk struktur cantuman dengan cara meletus kepada dua cabang, iaitu kata kerja *turun* di sebelah kiri dan di sebelah kanan diisi dengan penanda kala tak berinterpretasi [uInfl:]. Seterusnya, k' bergabung dengan FN *hampa* dan membentuk Fk. Kata nama *hampa* berada di posisi spek Fk untuk memenuhi fitur pemilihan N yang diprojeksikan dari k' ke Fk. Seterusnya, Fk akan bergabung dengan Kala yang mempunyai fitur

kala *kini* dan fitur kasus yang tidak berinterpretasi iaitu kasus nominatif atau [kini, nom] untuk membentuk kala'. Kala ini akan menilai k[uInfl:] yang berada di posisi cantuman k kecil dengan nilai *kini*. Ini membentuk fitur [uInfl: kini]. Setelah dinilai fitur tak berinterpretasi [uInfl: kini] akan disemak melalui proses keserasian seperti dalam Rajah 3. Kata ganti nama diri *hampa* yang memiliki fitur jamak atau ringkasnya [jamak] seterusnya bergerak naik dari posisi spek Fk ke posisi spek FKALA untuk ditandakan kasus (seperti pada gerakan 2). Seterusnya di posisi ini fitur FN *hampa* disemak melalui hubungan SERASI dengan KALA. FN *hampa* akan meninggalkan bekas <*hampa*> di posisi spek Fk selepas FN *hampa* naik ke posisi spek FKala. Seterusnya, Fkala bergabung dengan Komp dan membentuk Komp'. Komp akan membentuk struktur cantuman dengan meletus kepada dua cabang, iaitu kiri diisi oleh fitur kala [kini, Q*] dan kanan diisi oleh Komp [Q]. Fitur *uw* yang dibawa oleh Komp [Q] akan diprojeksikan ke Komp'. Seterusnya, fitur *uw* yang tidak berinterpretasi itu perlu disemak. Hal inilah yang telah menyebabkan fitur OP (operator) yang kosong mengisi posisi spek FKomp. Fitur OP menyemak fitur *uw* itu pada Komp'.

Analisis ini mendapati ayat tanya (4b) di atas tidak mengalami apa-apa perubahan bentuk ayat tanyanya sama ada sebelum dan selepas cetusan. Hal ini bermakna tidak ada sebarang pergerakan telah berlaku terhadap kata tanya dalam ayat (4b) ini. Ia disebabkan oleh faktor OP iaitu Operator yang telah mengisi kekosongan yang terdapat di posisi spek FKomp. Selain itu, kehadiran OP juga sebenarnya bertindak menghalang pergerakan kata tanya dalam ayat tanya (4b). Selain itu, Nurul Afiqah (2010) juga pernah menghuraikan kehadiran OP dalam kajian tesis sarjana beliau. Seterusnya, analisis kata tanya mana yang wujud di posisi belakang pula boleh dilihat pada Rajah 4.

Dalam Rajah 4, kata tanya *mana* berada di posisi adjung FK. Hal ini kerana kata kerja dalam ayat tanya ini adalah kata kerja tak transitif maka kata tanya *mana* berada di posisi adjung kerana ia bukan argumen. Kata kerja *pi* bergabung dengan kata tanya *mana* dan membentuk FK. Kata kerja *pi* yang berada di posisi FK bergerak ke posisi cantuman k di sebelah kiri dan meninggalkan bekas <*pi*> (seperti pada pergerakan 1) di posisi FK untuk memenuhi UTAH. Kemudian, FK bergabung dengan k kecil dan membentuk k'. k kecil ini pula membentuk struktur cantuman dengan cara meletus kepada dua cabang, iaitu kata kerja *pi* di sebelah kiri dan di sebelah kanan diisi dengan penanda kala tak berinterpretasi [uInfl:]. Seterusnya, k' bergabung dengan FN *hang* dan membentuk Fk. Kata nama

- (4c) Hang pi mana?
 Awak pergi mana?
 Awak pergi ke mana?



Rajah 4

hang berada di posisi spek Fk untuk memenuhi fitur pemilihan N yang diprojektikan dari k' ke Fk. Seterusnya, Fk akan bergabung dengan Kala yang mempunyai fitur kala *kini* dan fitur kasus yang tidak berinterpretasi iaitu kasus nominatif atau [kini, nom] untuk membentuk kala'. Kala ini akan menilai k[uInfl:] yang berada di posisi cantuman k kecil dengan nilai *kini*. Ini membentuk fitur [uInfl: kini]. Setelah dinilai fitur tak berinterpretasi [uInfl: kini] akan disemak melalui proses keserasian seperti dalam rajah 3. Kata ganti nama diri *hang* yang memiliki fitur tunggal atau ringkasnya [tunggal] seterusnya bergerak naik dari posisi spek Fk ke posisi spek FKALA untuk ditandakan kasus (seperti pada gerakan 2). Seterusnya di posisi ini fitur FN *hang* disemak melalui hubungan SERASI dengan KALA. FN *hang* akan meninggalkan bekas <*hang*> di posisi spek Fk selepas FN *hang* naik ke posisi spek FKala. Seterusnya, Fkala bergabung dengan Komp dan membentuk Komp'. Komp akan membentuk struktur cantuman dengan meletus kepada dua cabang, iaitu kiri diisi oleh fitur kala [kini, Q*] dan kanan diisi oleh Komp [Q]. Fitur *uw* yang dibawa oleh Komp [Q] akan diprojektikan ke Komp'. Seterusnya, fitur *uw* yang tidak berinterpretasi itu perlu disemak. Hal inilah yang telah menyebabkan fitur OP (operator) yang kosong mengisi posisi spek FKomp. Fitur OP menyemak fitur *uw* itu pada Komp'.

Analisis ini mendapati ayat tanya (4c) di atas tidak mengalami apa-apa perubahan bentuk ayat tanyanya sama ada sebelum dan selepas cetusan. Hal ini bermakna tidak ada sebarang pergerakan telah berlaku terhadap kata tanya dalam ayat (4c) ini. Ia disebabkan oleh faktor OP, iaitu Operator yang telah mengisi kekosongan yang terdapat di posisi spek FKomp. Selain itu, kehadiran OP juga sebenarnya bertindak telah menghalang pergerakan kata tanya dalam ayat tanya (4c).

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kata tanya *mana* dalam DPP boleh wujud di posisi depan, tengah dan belakang ayat tanya. Selain itu, kata tanya *mana* DPP juga bergerak dan tidak bersifat *in-situ* seperti yang pernah diutarakan oleh Rogayah A. Razak (2005) dalam kajiannya, iaitu kata tanya DPP bersifat *in-situ*. Pergerakan yang telah berlaku adalah disebabkan oleh faktor fitur yang dimiliki oleh kata tanya tersebut. Hasil dapatan daripada analisis data menunjukkan bahawa kata tanya *mana* dalam DPP bergerak. Ia bukan sahaja dipengaruhi oleh fitur yang dimiliki oleh fitur kata tanya

itu semata-mata tetapi juga oleh fitur OP, iaitu fitur operator kosong yang menghalang kata tanya itu daripada bergerak.

RUJUKAN

- Adger, D., 2003. *Core Syntax: A Minimalist Approach*. New York: Oxford University Press.
- Aria, Adli, 2004. "French Wh-in-situ Questions and Syntactic Optionality: Evidence from Three Data Types" dlm. http://www.sfb441.uni-tuebingen.de/~sam/papers/Adli_paper2004b.pdf. Capaian 11 Jun 2010.
- Asmah Haji Omar, 1993. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chomsky, N., 1995. *The Minimalist Program*. London, England: The MIT Press.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan *et. al.*, 2011. "Kata Soal Bila Dalam Dialek Kedah Melayu Baling: Satu Analisis Sintaksis" dlm. *Gema Online Jurnal Of Language Studies* 11:1 <http://www.ukm.my/ppbl/Gema/>. Capaian 25 Mac 2011.
- Ilie, C., 1999. *Question-response Argumentation in Talk Shows*. Department of English, Sweden: Stockholm University, S-10691.
- Kamus Dewan*, 2007. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairul Faiz Alimi & Mohd Romzi Ramli, 2009. "Analisis Ayat Soal Bahasa Mendriq Menggunakan Kerangka Minimalis" dlm. Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad dan Harishon Radzi (Pnyt.). *Prosiding Bengkel Kajian Linguistik Bahasa Mendriq*. Hlm. 137-157. Bangi: Penerbit UKM.
- Nurulafiqah Suhaimi, 2010. "Kata Soal Argumen dan Bukan Argumen Dialek Bahasa Melayu Utara: Satu Analisis Minimalis". Tesis Sarjana, Program Linguistik, Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Omar Yusoff, 2009. "Kajian Melayu Pulau Pinang" dlm <http://www.penangmalays.my/>. Capaian 31 April 2011.
- Petronio, K & Lillo-Martin, D. Mar, 1997. "WH-Movement and the Position of Spec-CP: Evidence from American Sign Language" dlm. *Language*, Vol. 73:1, hlm. 18-57. Society of America.
- Rogayah A. Razak, 2005. "Kekangan Bentuk Logikal bagi Pergerakan Kata Tanya In-Situ dalam Ayat Tanya bahasa Melayu" dlm. Idris Aman dan Fadzeli Jaafar (pylgr.). *Prosiding Teori Penyelidikan Bahasa*, hlm. 56-70. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shima, E., 1998. *Two Types of Wh-features*. Dept. of English Linguistics, Faculty of Arts and Letters, Japan: Tohoku University, Kawauchi, Aoha-ku, Sendai-shi, Miyagi-ken, 980-8576.

- Siti Noraini Hamzah & Mariati Mokhtar, 2009. "Analisis Ayat Soal Bahasa Mendriq Menggunakan Kerangka Minimalis" dlm. Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad dan Harishon Radzi (Pnyt.). *Prosiding Bengkel Kajian Linguistik Bahasa Mendriq*, hlm. 158-83. Bangi: Penerbit UKM
- Tanaka, H., 1998. *LF Pied-piping of In-situ Wh-phrases*. Department of Linguistics, Faculty of Arts, University of British Columbia, Buchanan E270-1866 Main Mall, Vancouver, B.C. Canada V6T 1Z1.
- Yanagida, Y., 1996. *Syntactic QR in Wh-in-situ Languages*. Faculty of Education, Kochi University, 2-5-1 Akehono-cho. Kochi-shi, 780 Japan.
- Wong Bee Eng, 2009. *Wh-Questions in Malay: An Explanation for the Restriction of Extraction to Subjek Position with Yang*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Zaharani Ahmad, "Kepelbagaian Dialek dalam Bahasa Melayu: Analisis Tatatingkat Kekangan" dlm. *e-Bangi Journal*. Jilid 1:1, Julai-Disember, 2006.